

Kiyai Haji Hasyim Asya'ari: Ulama Pengerak Kemerdekaan Indonesia

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 139-151
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 14 August 2023
Accepted: 24 August 2023
Published: 17 September 2023

[Kiyai Haji Hasyim Asya'ari: The Ulema Behind Indonesia's Struggle For Independence]

Farid Mat Zain,¹ Atikah Ishak, Nur Suhailah Abd Rahim & Noorsafuan Che Noh^{2*}

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: farid@ukm.edu.my; noorsafuancn@unisza.edu.my

*Corresponding Author: noorsafuancn@unisza.edu.my

Abstrak

Ramai yang mengetahui K.H. Hasyim sebagai seorang tokoh ulama yang mengasas sebuah gerakan Islam terkenal iaitu Nahdatul Ulama (NU). Tidak ramai yang mengetahui di sebalik pergerakan dan kegiatan Nahdatul Ulama yang dilakukan itu K.H. Hasyim memainkan peranan penting dalam menggerak kebangkitan rakyat kepada kemerdekaan Indonesia. Makalah ini meneliti usaha dan peranan K.H. Hasyim dalam pergerakan rakyat Indonesia menentang penjajahan Belanda dan Jepun. Selain Nahdatul Ulama, idealisme dan perjuangan untuk melihat Indonesia merdeka dilakukan melalui pesantren yang diasaskan. Penelitian yang menggunakan metode sejarah ini dapat menjelaskan K.H. Hasyim bukan sahaja tokoh ulama Indonesia yang terbilang malah beliau juga berjaya membawa Indonesia bebas dari penjajahan hingga ia merdeka sepenuhnya pada 17 Ogos 1945.

Kata kunci: Kiyai Haji Hasyim Asya'ari, Nahdatul Ulama, Kemerdekaan Indonesia

Abstract

Many know K.H. Hasyim as a prominent scholar who founded a famous Islamic movement called Nahdatul Ulama (NU). Not many people know that behind the movement and activities of Nahdatul Ulama that K.H. Hasyim played an important role in mobilizing the people's awakening to Indonesian independence. This paper examines the efforts and role of K.H. Hasyim in the Indonesian people's movement against Dutch and Japanese colonialism. In addition to Nahdatul Ulama, idealism and the struggle to see Indonesia become independent was carried out through the pesantren that were founded. Research that uses this historical method can explain K.H. Hasyim is not only a prominent Indonesian scholar, but he also succeeded in bringing Indonesia free from colonialism until it became fully independent on August 17, 1945.

Keywords: Kiyai Haji Hasyim Asya'ari, Nahdatul Ulama, Indonesia independence .

Cite This Article:

Farid Mat Zain, Atikah Ishak, Nur Suhailah Abd Rahim & Noorsafuan Che Noh. (2023). Kiyai Haji Hasyim Asya'ari: Ulama Pengerak Kemerdekaan Indonesia [Kiyai Haji Hasyim Asya'ari: The Ulema Behind Indonesia's Struggle For Independence]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 139-151.

Pengenalan

Kiyai Haji Hasyim Asya'ari merupakan seorang tokoh ulama terkenal Indonesia. Sebagai seorang tokoh ulama, beliau memainkan peranan penting dalam pembangunan Islam di Indonesia. Namun begitu ramai yang belum mengetahui bahawa beliau juga seorang tokoh yang memainkan peranan dalam kemerdekaan Indonesia. Persoalan yang menjadi fokus utama dalam artikel ini ialah merujuk kepada pernyataan Latiful (1998: 8), menyatakan K.H. Hasyim adalah seorang tokoh ulama yang terlibat secara langsung memperjuangkan kemerdekaan Indonesia dengan mengeluarkan fatwa Resolusi Jihad dan juga sebagai pengasas gerakan organisasi ke-Islaman terbesar Nahdatul Ulama (NU). Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan peranan perjuangan tokoh K.H. Hasyim dalam gerakan islah untuk menuntut kemerdekaan Indonesia. Metodologi penulisan artikel ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan dan deskriptif. Oleh yang demikian, perbincangan secara ringkas mengenai biografi dan peranan pemikiran K.H. Hasyim dalam perkembangan awal Nahdatul Ulama (NU) banyak mempengaruhi agama Islam Indonesia serta membawa perubahan dalam menyatukan seluruh masyarakat Islam dan pencetus reformasi ulama.

Latar Belakang Peribadi

Hasyim Asya'ri atau nama sebenar beliau Muhammad Hasyim bin Asya'ari bin Abdul Wahid bin Abdul Halim bin Yusri Halim merupakan antara tokoh gerakan islah yang terkenal di awal abad ke-20M. Beliau dilahirkan di Gedang, Jombang, Jawa Timur pada 14 Februari 1871M. Berdasarkan salasilah keturunan K.H. Hasyim, beliau merupakan keturunan kelapan pemerintah Kerajaan Islam Demak dan Kesultanan Pajang yang terkenal dengan julukan Jaka Tingkir dan Raja Brawijaya V dari Kerajaan Majapahit (Akarhanaf 1949: 21; Abdurahman 1995: 70).

Semenjak kecil, beliau hidup dalam persekitaran pesantren tradisional di mana pesantren tersebut dikelola oleh bapanya, Kiyai Asya'ari yang mendirikan pesantren Keras Jombang manakala, datuknya merupakan pengasas pesantren Gedang yang pernah menjadi pusat tumpuan penuntut ilmu Jawa pada akhir abad ke-19. Seterusnya, datuk di sebelah ibunya pula, Kiyai Sihah masyhur sebagai pengasas pesantren Tambak Beras Jombang (Ishomudin 2007: 12). Pada usia 5 tahun, K.H. Hasyim berpindah dari Gedang ke Keras kerana mengikuti ibu bapanya yang sedang mendirikan pesantren baru. Di situlah beliau menghabiskan masa kecilnya hingga berumur 15 tahun sebelum akhirnya meninggalkan Keras dan menjelajah di pelbagai pesanteran ternama (Ishomudin 2007: 21).

Sewaktu berusia 21 tahun, K.H. Hasyim telah berkahwin pada 1892M dengan Nafisah iaitu anak kepada Kiyai Ya'qub, pengasas Pesantren Siwalan Panji Sidoarjo. Setelah itu, K.H. Hasyim bersama isteri dan keluarga mertuanya berangkat ke Makkah untuk menunaikan haji dan terus menetap untuk melanjutkan pelajaran. Tujuh bulan kemudian, isteri beliau meninggal dunia setelah melahirkan seorang putera bernama Abdullah, namun bayi yang dilahirkan itu menyusul ibunya pula meninggal dunia pada 40 hari kemudian. Pemergian isteri dan anaknya memberi kesan yang mendalam kepada K.H. Hasyim lalu beliau memutuskan untuk kembali ke Indonesia setahun kemudian (Ishomudin 2007: 21).

K.H. Hasyim berkahwin pula dengan anak Kiyai Romli dari Karangates iaitu Khadijah pada tahun 1899M sekembalinya dari Makkah. Perkahwinan dengan isteri kedua tidak bertahan lama kerana Khadijah meninggal dunia pada 1901M (Zuhri 2010: 70). Untuk kali ketiga, K.H. Hasyim berkahwin sekali lagi dengan anak ulama, Kiyai Ilyas, pengasas Pesantren Sewulan Madiun iaitu yang bernama Nafiqah. Hasil perkahwinannya dengan Nafiqah, mereka dikurniakan 10 orang anak iaitu Hannah, Khoiriyah, Aisyah, Azzah, Abdul Wahid, Abdul Hakim, Abdul Karim, Ubaidillah, Mashurah dan Muhammad Yusuf (Rozi 2016).

Setelah pemergian Nafiqah pada tahun 1920M, K.H. Hasyim berkahwin sekali lagi dengan anak Kiyai Hasan, pengasas Pesantren Kapurejo iaitu Masruroh. Beliau dikurniakan empat orang anak bersama Masruroh antaranya, Abdul Qadir, Fatimah, Khodijah dan Muhammad Ya'qub. Perkahwinan dengan Masruroh ini merupakan perkahwinan terakhir bagi K.H. Hasyim hingga akhir hayatnya (Muhammad Rifai 2009: 38).

Beliau dianggap sebagai guru dan dijuluki 'Hadratus Sheikh' yang bererti 'Maha Guru'. Penglibatannya bukan sahaja di dunia pesantren bahkan beliau turut terlibat dalam memperjuang dan membela bangsa dan negara. Semangat patriotisme tidak pernah pudar dan luntur dalam dirinya sehinggakan menjelang hari-hari akhir hidupnya, beliau sering dikunjungi oleh Bung Tomo, Ketua Umum Barisan Pemberontakan Rakyat Indonesia (BPR), dan Panglima Besar Jeneral Sudirman untuk meminta nasihat perihal perjuangan mengusir penjajah (Chairul Anam 2010: 58).

K.H. Hasyim menghembuskan nafasnya pada 25 Julai 1947M bersamaan 7 Ramadan 1366H pada jam 3.45 pagi (Solahuddin 2012: 47). Jasa beliau dikenang sebagai pahlawan gerakan nasional dengan pengiktirafan presiden pada 17 November 1964M (Anam 2010: 70). Semasa hayatnya, peranan beliau bukan sahaja dalam bidang pendidikan bahkan beliau turut menyumbang untuk negara khususnya kegigihan beliau dalam perjuangan merebut kemerdekaan melawan penjajah sehingga beliau diakui sebagai seorang Pahlawan Kemerdekaan Nasional (Zamakhsyari 1982: 98).

Pendidikan dan Kerjaya

K.H. Hasyim dikenali sebagai tokoh pencinta ilmu. Beliau mengembara ke pelbagai pesantren di Jawa. Pada ketika itu untuk mendalami ilmu agama, beliau menghabiskan masanya untuk mendalami ilmu agama di Makkah dan Madinah. Hal ini membuktikan bahawa beliau merupakan seorang 'santri' yang benar-benar mengaplikasikan falsafah jawa dalam dirinya, "luru ilmu kanti lelaku" iaitu mencari ilmu adalah dengan berkelana (Ade Setiawan 2017: 29).

Oleh kerana latar belakang beliau daripada keluarga pesantren, beliau dididik dan dibimbing oleh ayahnya sendiri tentang ajaran Islam sehingga berusia 15 tahun. Melalui ayahnya, beliau mula mengenali dan mendalami ilmu tauhid, tafsir, hadith, bahasa Arab serta bidang ke-Islaman. Kebijaksanaan K.H. Hasyim dalam pelbagai bidang ilmu agama telah memberi kepercayaan ayahnya untuk mengajar di pesantren sejak berusia 13 tahun bahkan diberi peluang untuk mengajar pelajar yang lebih berusia darinya (Badiatul 2009: 246; Zuhri 2010: 74).

K.H. Hasyim mengembara ke beberapa pesantren antaranya pesantren Wonokoyo (Probolinggo), pesantren Langitan (Tuban), Pesantren Trenggilis (Semarang), Pesantren

Kademangan (Bangkalan) dan Pesantren Siawalan Panji (Sidoarjo). Di Pesantren Kade Mangan dan Siwalan Panji, K.H. Hasyim menemui Kiyai Kholil dan Kiyai Ya'qub merupakan tokoh yang dianggap penting dalam perkembangan intelektual K.H. Hasyim. Selama lebih kurang tempoh 3 tahun, K.H. Hasyim mendalami pelbagai bidang agama atas bimbingan Kiyai Kholil dalam bidang bahasa Arab, Sastera, Tasawuf dan Fiqh. Selebihnya, ilmu tauhid, akhlak, tafsir dan hadith adalah atas bimbingan Kiyai Ya'qub (Zuhri 2010: 75).

Pendidikan beliau seterusnya dilanjutkan ke Makkah pada 1892M selama 7 tahun atas nasihat Kiyai Ya'qub untuk menimba ilmu sekaligus menunaikan ibadah haji. Di Makkah, beliau berguru dengan Shaykh Ahmad Amin al-Attar, Sayyid Sultan bin Hashim, Sayyid Ahmad bin Hasan al-Attas, Shaykh Said al-Yamani, Sayyid 'Alawi bin Ahmad al-Saqqaf, Sayyid Abbas Maliki, Sayyid Abdullah al-Zawawi, Shaykh Salih Bafadal, Shaykh Sultan Hashim Dagastani, Shaykh Shuayb bin Abd al-Rahman, Shaykh Ibrahim Arab, Shaykh Rahmatullah, Sayyid Alwi al-Saqqaf, Sayyid Abu Bakr Shata al-Dimyati dan Sayyid Husayn al-Habshi. Tiga orang ulama dari Nusantara yang berperanan meniuip semangat cintakan watan serta membentuk keintelektualan K.H. Hasyim semasa di Makkah adalah Shaykh Ahmad Khatib Minangkabawi, Shaykh Nawawi al-Bantani dan Shaykh Mahfuz al-Tirmisi (Ishomudin 2007: 13; Latiful 2000: 34).

Menurut Zuhri (2010: 76) K.H. Hasyim memiliki prestasi cemerlang hingga diberi kepercayaan untuk mengajar di Masjid al-Haram. Malah, sejumlah ulama terkenal dari pelbagai negara pernah belajar dengannya antaranya Shaykh Sa'd Allah al-Maymani (mufti di Bombai, India), Shaykh Umar Hamdan (ahli hadith dari Makkah), al-Sihab Ahmad bin Abdullah (Syria), K.H. Abdul Wahhab Hasbullah (Tambak Beras, Jombang), K.H. Asnawi dan K.H. Dahlan dari Kudus, K.H. Bisiri Syansuri (Denayar Jombang) dan K.H. Shaleh (Tayu).

Zamakhsyari (1985) menyatakan terdapat empat faktor penting yang membentuk watak kepimpinan K.H. Hasyim. Pertama, beliau dilahirkan dan dibesarkan di suasana *Islamic revivalism* baik di Indonesia mahupun di Timur tengah khususnya Makkah. Di Makkah, guru beliau seperti Sheikh Ahmad Khatib Minangkabawi, Sheikh Mahfuz (guru tarekat *Qadariyah wa Naqsyabandiah*) dan Sheikh Nawawi al-Bantani memberi pengaruh dalam pemikiran kritis beliau dalam isu berkaitan pembaharuan. Kedua, ibu bapa dan datuknya merupakan pimpinan pesantren yang mempunyai pengaruh di Jawa Timur. Ketiga, K.H. Hasyim sendiri dilahirkan sebagai seorang yang bijak dan berkepimpinan. Keempat, berkembangnya perasaaan anti-kolonial, nasional Arab dan pan-Islamisme di dunia Islam. Melalui faktor-faktor tersebut dapat disimpulkan bahawa K.H. Hasyim mempunyai potensi menjadi pemimpin yang hebat (Humaidy & Ridwan 1995: 2).

Hasil Karya

Selain aktif mengajar, berkhotbah dan berjuang dalam arena politik, K.H. Hasyim juga merupakan seorang penulis yang produktif. Karya penulisan beliau menjadi jawapan kepada pelbagai permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Contohnya, ketika ramai umat Islam tidak memahami isu tauhid atau akidah, K.H. Hasyim kemudiannya menyusun kitab tentang akidah seperti kitab *al-Qalaid fi Bayani ma Yajib min al-Aqaid, ar-Risalah al-Tauhidiah, Risalah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah, Al-Risalah fi al-Tasawwuf* dan sebagainya

(Shofi & Sudarno 2015: 141). Semangat patriotisme terserlah dalam penulisan beliau dalam majalah seperti majalah *Dewan Islam, Islam Bergerak, Nurul Islam, Panji Masyarakat* dan *Swara Nahdhotel Oelama*. Kebiasaannya penulisan beliau berkisarkan persoalan yang diajukan oleh masyarakat seperti hukum memakai tangkal, hukum merokok dan sebagainya. Di samping membahas tentang *masail fihiyyah*, beliau juga sering mengeluarkan fatwa dan nasihat kepada umat Islam seperti *al-Mawa'idz*, doa-doa untuk golongan *Nahdiyyin*, kepentingan ekonomi, dorongan untuk menegakkan keadilan dan banyak lagi (Tamyiz 2001: 19).

Namun kini kebanyakan karya beliau disimpan dan disusun semula oleh cucu beliau, Muhammad Ishomuddin Hadziq, dalam sebuah kitab berjudul *Irsyad al-Syari' fi Jami' Mushonnfati al-Syaikh Hasyim Asy'ari* (Shofi & Sudarno 2015: 142). Antara 10 karya K.H. Hasyim yang masyhur ialah *Adab al-'Alim wa al-Muta'allim* (etika guru dan murid) tentang pentingnya ilmu pengetahuan dan etika belajar; *Ziyadat Ta'liqat 'ala Manzumat al-Syaikh 'Abd Allah ibn Yasin al-Fasuruwani* (Catatan Tambahan atas Syair Syaikh 'Abd Allah Yasin Pasuruan) mengenai catatan K.H. Hasyim atas catatan 'Abd Allah Yasin terhadap Nahdlatul 'Ulama; *Al-Durar al-Muntathirah fi al-Masa'il al-Tis'a Asyarah* (Taburan Permata dalam sembilan belas persoalan) mengandungi tarekat dan wali; *Al-Tanbihat al-Wajibat li Man Yasna'u al-Mawlid bi al-Munkarat* (Peringatan Penting bagi Orang yang Merayakan Acara Kelahiran Nabi Muhammad dengan Melakukan Kemunkaran), *Risalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berkisarkan tentang hadis kematian, tanda-tanda kiamat, penjelasan memahami sunnah dan bid'ah, *Al-Nur alMubin fi Mahabbati Sayyid al-Mursalin* (Cahaya Terang dalam Mencintai Rasul) menjelaskan makna cinta Rasul Allah, *Al-Tibyan fi al-Nahy 'an Muqatha'at al-Arham wa al-Aqarib wa al-Ikhwan* (Penjelasan tentang Larangan Memutus hubungan Kerabat, Rakan Karib dan Saudara), *Al-Risalah al-Tawhidiah* (Kitab Tauhid) dan *Al-Qalaid fi ma Yajibu min al-'Aqaid* (Syair-syair Menjelaskan Kewajiban Akidah) (Ishomudin 2007: 6-7).

Peranan dan Sumbangan K.H. Hasyim

Pengasas Pesantren Tabuireng

Pesantren merupakan kompleks kegiatan pendidikan tradisional yang melibatkan pelajar untuk tinggal dan belajar ilmu agama di bawah bimbingan gurunya atau dikenali sebagai kiyai. Dalam kompleks tersebut terdiri beberapa buah bangunan seperti rumah kediaman pengasuh, tempat pengajaran diberikan dan asrama tempat tinggal para pelajar (Abdurrahman 2001: 3). Antara pesantren yang telah dibangunkan oleh K.H. Hasyim adalah pesantren Tebuireng yang dibina sekembalinya dari Mekah pada tahun 1899M (Ahmad Baso et. al 2017: 40). Pada awalnya, pesantren tersebut merupakan sebuah bangunan yang dibina daripada buluh. Pesantren yang dibangunkan itulah sebagai platform untuk K.H. Hasyim untuk melebarkan sayapnya sebagai guru agama di pesantren (Zuhairi 2010: 57).

Sebelum pesantren ditubuhkan, Tebuireng merupakan sebuah kampung yang banyak melakukan kegiatan jenayah seperti perjudian, perompakan, pencurian dan pelacuran. Disebabkan keadaan kampung Tebuireng begitu teruk, K.H. Hasyim telah mengubah persekitaran Tebuireng dengan mendirikan pesantren di tempat tersebut. Hasil daripada

penubuhan pesantren di Tebuireng sejurus membawa kepada kehidupan masyarakat Kampung Tebuireng berubah menjadi baik dan semua kegiatan buruk yang berlaku menjadi terhakis (Misrawi 2010: 57-59).

Menurut Misrawi (2010: 57) untuk mencapai matlamat dalam menyebarkan syiar agama Islam, K.H. Hasyim telah menerapkan prinsip dalam dirinya iaitu:

Menyiarkan agama Islam ertinya memperbaiki manusia. Jika manusia itu sudah baik, maka akan banyak menghasilkan berbagai kebaikan yang lain. Berjihad ertinya menghadapi kesukaran dan memberikan pengorbanan, contoh-contoh ini telah diberikan oleh nabi kita dalam perjuangannya.

Perkara ini menunjukkan bahawa beliau amat berjiwa besar dalam berusaha untuk mengislahkan masyarakat daripada mencegah segala elemen negatif dan kembali kepada seruan syiar Islam.

Penubuhan pesantren Tebuireng kurang mendapat perhatian daripada masyarakat pada awalnya malah tempat pengajian agama tersebut turut menimbulkan kebencian sehingga menyebabkan pelajar pesantren diganggu daripada masyarakat pada waktu malam. Oleh kerana terdapat ancaman yang merencatkan kegiatan di pesantren, maka K.H. Hasyim telah bertindak meminta bantuan daripada Kiyai Saleh, Kiyai Abdullah, Kiyai Syamsuri dan Kiyai Abdul Djamil untuk mengajarkan pencak silat kepada pelajar pesantren sebagai pertahanan diri untuk melawan ancaman musuh (Misrawi 2010: 57). Pendekatan ilmu pertahanan diri telah memantapkan keberanian K.H. Hasyim untuk melindungi pesantren agar pelajar terus dapat menuntut ilmu dengan aman dan tenteram tanpa gangguan. Secara tidak langsung, kegiatan kejahatan dan kemaksiatan dapat dibanteras.

Bukan itu sahaja, pesantren Tebuireng membuat inovasi dalam sistem pendidikannya pada tahun 1916M tetapi masih mengekalkan sistem pendidikan yang lama iaitu pembelajaran kitab kuning. Menurut Misrawi (2010: 67) inovasi yang dilakukan adalah dengan menggubal sistem pendidikan baharu iaitu berbentuk madrasah dan dikenali sebagai Madrasah Salafiyah. Sepanjang penubuhannya hingga pada tahun 1919M, madrasah tersebut masih mengekalkan elemen kurikulum *diniyah*. Sesi pengajarannya juga disusun secara 7 tingkat kelas dan dibahagikan kepada dua tahap. Bagi tahun pertama dan kedua dinamakan sebagai *sifr awwal* dan *sifr thani*, kerana ia merupakan persediaan sebelum memasuki tahap kedua (Mahrus 2017: 12). Walau bagaimanapun, pada tahun 1919M, madrasah tersebut telah membuat rombakan kurikulum dengan melaksanakan silibus baru berkaitan pengetahuan am seperti matematik, bahasa Indonesia dan sains. Kesemua subjek tersebut ditulis dengan menggunakan huruf *latin* (Aboebakar 1957: 85).

Pada 1926M, madrasah berterusan melakukan penambahbaikan pengajaran dengan menerapkan penguasaan bahasa iaitu bahasa Belanda dan turut mempelajari subjek sejarah yang diajar oleh Kiyai Ilyas, merupakan anak saudara K.H. Hasyim dan juga merupakan alumni 'Hollands Indische School' (HIS), Surabaya. Tempoh pembelajaran madrasah tersebut adalah selama 5 tahun dan kemudiannya meningkat selama 6 tahun kerana semakin meluas penguasaan kurikulum, semakin meluas pengetahuan pelajar terhadap pengetahuan umum (Zamakhsyari 1982: 104). K.H. Hasyim berpendapat dengan membuat inovasi kepada pembelajaran pesantren

Tebuireng kepada madrasah bukanlah mengikut *trend* barat semata tetapi, beliau menegaskan perlunya ada ilmu duniawi untuk melengkapi ilmu ukhrawi kerana ia saling berkait rapat dan melengkapi (Fazlur 1995).

Natijahnya, perubahan sistem pendidikan lama kepada sistem pendidikan baru (moden) telah menghasilkan sebuah format yang teratur bagi pendidikan Islam yang *distinctive*, iaitu diperlukan sebagai rujukan bagi gerakan modernisme pendidikan Islam di tanah air. Pembaharuan tersebut telah melahirkan para kiyai yang hebat di kalangan Nadhatul Ulama (NU). Pertapakan awal pesantren Tebuireng akhirnya membawa perubahan kepada masyarakat sejagat mengikut arus zaman. Melalui pesantren ini melahirkan parti-parti besar Islam di Indonesia seperti Nahdlatul Ulama' (NU), Majlis Syuro A'la Indonesia (Masyumi), Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI) serta pasukan perjuangan seperti *Sabilillah* dan *Hizbullah* (Rifai 2009: 45).

Perjuangan Menentang Penjajah

Yusrianto (2014: 260) menyatakan bahawa kelemahan politik, ekonomi, sosial dan budaya disebabkan oleh kekerasan penjajah dan ia menyebabkan berlaku kebangkitan Islam di Indonesia. Hal ini juga telah menjadi dorongan kepada penduduk tempatan untuk mengubah nasib hidup mereka dengan melawan Belanda sehinggalah kedatangan Jepun. Maka, perlunya ada semangat nasionalisme yang perlu disemai pada diri masing-masing agar maruah tanah air terbela. Ulama atau kiyai merupakan tokoh yang paling terpenting dalam menggerakkan semua penduduk tempatan untuk terus melawan penjajah dan salah seorang yang memperjuangkan hak negara adalah K.H. Hasyim (Latiful 2000: 5). Pemikiran beliau kerap menjadi panduan dan pedoman kepada perjuangan seperti semangat jihad yang selalu dilaungkan untuk membebaskan Indonesia daripada kongkongan penjajah, berjihad membela kebenaran dan menegakkan keadilan (Zuhri 1980: 609).

Kesungguhan K.H. Hasyim dalam berjuang melawan penjajah telah mendapat perhatian dari pemerintah kolonial sehinggakan dikawal ketat aktiviti kegiatannya (Yusrianto 2014: 261). Pemerintah kolonial melihatnya sebagai tokoh yang berpengaruh dalam menggerakkan strateginya sehinggakan tidak mahu perjuangan penduduk tempatan terus membara hasil daripada dorongan K.H. Hasyim. Hal ini kerana, berjuang membela tanah air adalah suatu kewajipan. Jika berlaku penyerahan diri terhadap penjajah maka, ia dianggap mengkhianati bangsa dan negara kerana bertentangan dengan prinsip Islam.

Semasa berlaku penjajahan, beliau telah membentuk barisan belia muda untuk mendapatkan latihan ketenteraan dan belajar menggunakan senjata. Latihan tersebut sebagai asas persediaan untuk melawan penjajah berserta merebut kemerdekaan. Hasilnya, terbentuklah beberapa kumpulan tentera iaitu tentera *Hizbullah* yang diikuti oleh golongan belia muda dengan membawa slogan *Ala Inna Hizballahi Hum al-Ghalibun* yang bermaksud 'Wahai sesungguhnya parti Allah-lah sebagai golongan yang menang'. Kedua, tentera *Sabilillah* yang majoritinya, disertai oleh golongan-golongan kiyai, lelaki dan wanita. Slogan utama yang dibawa adalah *Waman yujahid fi sabilillah* yang membawa maksud 'Mereka yang berjuang di jalan Allah'. Ketiga, tentera *Mujahiddin* yang menyerupai pasukan maut, tidak takut mati. Tentera ini membawa slogan *Walladzina jahadu fina lanahdiyannahum subulana* yang

membawa maksud ‘Mereka berjuang dijalan-Ku, Aku akan tunjukkan mereka jalan-jalan Ku’ (Muhammad Rifa’i 2009: 121).

Menurut Shofi & Sudarno (2015: 142) nasihat dan fatwa yang dikeluarkan oleh K.H. Hasyim telah membakar semangat revolusi perjuangan menentang imperialisme Belanda iaitu pernyataannya adalah: Wajibnya jihad dengan kekuatan dan merebut kemerdekaan dari penjajah.

Jihad tersebut dikenali dengan revolusi jihad. Pada zaman penjajahan Jepun pada 1942M-1945M, terdapat amalan penyembahan dewa matahari atau dinamakan sebagai *seikerei*. Beliau mengeluarkan fatwa bahawa *seikerei* adalah haram hukumnya kerana menurut K.H. Hasyim, hanya Allah wajib disembah, bukan manusia. Penolakan beliau terhadap amalan karut itu telah menyebabkan beliau ditahan beberapa kali. Bermula dari Penjara Jombang kemudian Mojokerto dan akhirnya ke penjara Babutan, Surabaya.

Penentangan yang paling ketara dilakukan oleh K.H. Hasyim adalah melarang menyanyikan lagu Jepun *Kimagayo* serta mengibarkan bendera Jepun. Malah, apabila Jepun memerlukan tentera untuk menghadapi serangan sekutu, K.H. Hasyim telah melakukan bentuk penentangan secara halus dengan membentuk militan tentera seperti Pembela Tanah Air (PETA) (Shofi & Sudarno 2015: 142). Kemudian beliau mengibarkan semangat *I’dad* dan Jihad kepada umat Islam, khususnya kepada golongan belia pesantren dalam gerakan tentera *Hizbullah*. Mereka diajar untuk mempelajari berkaitan ketenteraan. Penentangan K.H. Hasyim kemudiannya semakin jelas dan terbuka dalam bentuk politik seperti MIAI dan MASYUMI untuk menyatukan kekuatan umat Islam di seluruh Indonesia. Perjuangan tersebut telah membuktikan kegemilangan K.H. Hasyim sehinggakan beliau memperoleh penghargaan dari pemerintah sebagai seorang pahlawan kemerdekaan nasional (Muhammad Rifa’i 2009: 33).

Pengasas Nadhatul Ulama (NU)

Kelahiran Nahdlatul Ulama (NU) merupakan respons terhadap munculnya gagasan pembaharuan Islam di Indonesia yang banyak dipengaruhi pemikiran Wahabi serta idea pembaharuan Jamaluddin al-Afgani dan Muhammad Abduh. Gerakan pembaharuan Islam di Indonesia, khususnya di Pulau Jawa, dipelopori oleh KH. Ahmad Dahlan kemudiannya membentuk organisasi Muhammadiyah pada 1912M. Golongan ini banyak melakukan kritikan terhadap amalan agama yang diamalkan oleh kelompok tradisional, seperti menolak tarekat atau amalan seperti *talqin* (Hartono 2011: 339-340).

Kemunculan konflik Islam moden dan tradisional berlaku ketika kerajaan Ibn Saud (1953-1964) dari Kerajaan Arab Saudi ingin mengadakan kongres tentang pelantikan khalifah di Mekah. Hal ini mendapat respon positif daripada para pemimpin Islam di Indonesia sehingga diadakan kongres di Bandung dihadiri oleh kelompok Islam moden dan tradisional, antaranya wakil daripada kelompok moden iaitu Oemar Said Tjokroaminoto (Sarekat Islam) dan Mas Mansoer (Muhammadiyah) menghadiri kongres di Mekah. Hal ini menimbulkan kekecewaan kumpulan Islam tradisional kerana mereka tidak diwakili dalam kongres tersebut. Oleh yang demikian, K.H. Wahab Hasbullah (kumpulan tradisional) mencadangkan agar utusan Indonesia meminta kepada Kerajaan Arab untuk mengekalkan ajaran dan amalan agama dari empat mazhab walaupun permintaan tersebut ditolak (Faisal Ismail 1992: 76).

Untuk memperjuangkan aspirasi para ulama tradisional bertemu dengan Raja Ibnu Saud pada 31 Januari 1926M, K.H. Wahab Hasbullah menjemput para ulama tradisional terkenal seperti K.H. Hasyim, K.H. Asnawi al-Bantani dan beberapa tokoh lain bagi membincangkan langkah delegasi ulama tradisional untuk menghantar utusan mereka ke kongres kekhalifahan di Arab Saudi. Hasil pertemuan tersebut memberi inspirasi kepada mereka untuk menubuhkan sebuah organisasi berfungsi sebagai wahana para ulama dalam membimbing para ulama mencapai kejayaan dan organisasi tersebut diberi nama 'Nahdlatul Ulama' (Faisal Ismail 1992: 77).

Peranan K.H. Hasyim dalam pembentukan NU sangat penting kerana restu dan legitimasi yang diberikannya sangat berpengaruh terhadap pembentukan organisasi NU. Oleh itu, beliau dilantik sebagai *rais akbar* dan Majlis Penasihat Agama, sedangkan ketua umum *tanfiziyyah* (Dewan Pelaksana) adalah Hasan Gipo. Dalam perkembangan seterusnya, warna dan corak NU sangat dipengaruhi oleh K.H. Hasyim. Ini dapat dilihat dari ucapan *iftitah* yang disampaikan kepada warga NU tentang fahaman *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* yang menjadi prinsip NU sehingga kini. Malah, muqaddimah NU iaitu *Qānūn Asāsī Jam'iyah* karangan beliau dijadikan sebagai dasar NU (Azyumardi 2000: 102; Paulina 2007: 57; Hartono 2011: 341).

Namun keterlibatan para kiyai dalam politik dipertikaikan di kalangan masyarakat kerana menurut mereka tempat seorang kiyai mestilah di pesantren. Bukan kerana politik tidak penting, tetapi menurut mereka pembangunan pesantren sebenarnya lebih menentukan wajah masyarakat dan bangsa pada masa akan datang. Di sinilah kepentingan K.H. Hasyim sebagai pengasas NU dan Pesantren Tebuireng. Kepimpinan beliau terserlah sebagai seorang ulama yang mampu membina pesantren dan pada masa yang sama tetap mempunyai pengaruh penting dalam kehidupan politik negara (Tamyiz 2001: 50; Hartono 2011: 341; Yusrianto 2014: 260).

K.H. Hasyim seorang ulama dan pejuang kemerdekaan tanah air. Beliau tanpa henti mendidik pelajarannya untuk menjadi ahli agama sekaligus pejuang bangsa untuk merebut kedaulatan dan kemerdekaan negara. Beliau mengharamkan para pelajarannya dan masyarakat untuk berpakaian yang menjadi kebiasaan penjajah seperti tali leher dan seluar. Patriotisme dan nasionalisme K.H. Hasyim juga ditonjolkan apabila beliau dan beberapa ulama mengisytiharkan Resolusi Jihad pada 22 Oktober 1945M. Resolusi tersebut mengandungi rayuan kepada umat Islam untuk membangkitkan perang suci (jihad) demi mempertahankan kemerdekaan dan mengusir tentera Sekutu dan Belanda yang menjajah Indonesia. Ia didasari fatwa K.H. Hasyim bahawa Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) yang diproklamasikan oleh Soekarno-Hatta adalah sah di sisi fiqh (Hartono 2011: 342).

Menurut K.H. Hasyim, berjuang untuk mempertahankan negara adalah suatu kewajiban. Beliau tidak akan berkompromi dengan Belanda yang menjajah semenjak 1819M-1945M dan menganggap bahawa menyerah kepada penjajah bermaksud mengkhianati bangsa dan negara. Hal ini sangat bertentangan dengan prinsip Islam. Tindakannya dianggap sebagai provokasi yang bahaya dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia hinggakan segala tindak-tanduk beliau dalam pengawasan Belanda. Walaupun dalam situasi tersebut, beliau tetap menjalankan aktiviti keagamaannya dengan penuh semangat dengan memberikan motivasi kepada rakyat terus berjuang. Bahkan ketika revolusi Belanda menyediakan pembiayaan untuk umat Islam menunaikan haji, K.H. Hasyim sebaliknya mengeluarkan fatwa pengharaman menunaikan haji yang menggunakan kapal Belanda. Beliau meniuap api revolusi dengan

mengeluarkan fatwa dan disambut baik oleh pemuda untuk melepaskan diri dari cengkaman penjajah (Yusrianto 2014: 261-262). Beliau diberi gelaran kehormat yang jarang diberikan kepada orang lain iaitu sebagai 'Guru Agung'. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang berada di luar pesantren, beliau lebih dikenali sebagai nasionalis yang melancarkan kritikan terhadap penjajah Belanda dan Jepun (Abdurrahman 2007: 10). Sungguhpun demikian, tugas beliau sebagai ulama tidak hanya terbatas di bidang agama. Bahkan beliau hanya masuk ke dalam politik dalam situasi dan alasan tertentu. Selebihnya beliau kembali ke pesantren menumpukan hidupnya kepada pendidikan, dakwah dan mengislah masyarakat.

Majelis Islam A'la Indonesia (MIAI)

Penubuhan MIAI adalah rentetan dari perbezaan pandangan antara kaum pembaharu dan tradisional seperti Muhammadiyah dan NU. Muhammadiyah dikatakan sebagai organisasi yang bersifat reformis sedangkan NU merupakan organisasi yang bersifat tradisional. Perbezaan sifat dan orientasi ini menyebabkan berlakunya konflik. Dua reformis dan kumpulan tradisional yang dibentuk mempunyai perhatian yang berbeza, walaupun mereka pada dasarnya bertujuan untuk memajukan rakyat. Golongan pembaharu lebih banyak memberi perhatian kepada Islam pada umumnya. Sebaliknya, golongan tradisional mengabaikan isu agama atau ibadat. Bagi mereka Islam seolah-olah sama dengan fiqh dan dalam hubungan ini mengikut *taqlid* dan menolak ijtihad bahkan memberi perhatian kepada tasawuf (Taufik Abdullah 1974: 45; Tatik Mulyani 2006: 3).

MIAI ditubuhkan pada 21 September 1937M di Surabaya bertujuan mengeratkan hubungan antara umat Islam Indonesia dan menyatukan suara demi memelihara kemuliaan Islam di bawah pimpinan K.H. Muhammad Dahlan (Muhammadiyah), K.H. Wahab Hasbullah (NU) dan Wondoamiseno (Sarekat Islam) (*Ensiklopedia Nasional Indonesia* 1990: 49). Kedudukan K.H. Hasyim dinilai sangat penting dalam kalangan umat Islam moden kerana pengaruhnya yang kuat dalam lingkungan umat Islam tradisional di wilayah pedalaman turut menjamin kelangsungan peranan Islam dalam pergerakan kebangsaan secara keseluruhan. Oleh itu, pemimpin MIAI bersepakat meminta K.H. Hasyim dan anaknya, Wahid Hasyim sebagai *Rois Akbar*. Maka pada tahun 1944M, beliau dilantik sebagai Ketua Hal Ehwal Agama untuk wilayah Jawa dan Madura oleh pemerintah Jepun (Ahmad Baso et. al 2017: 45). Oleh kerana kedudukannya sebagai ulama masyhur sehingga digelar oleh Zamakhsyari (1980: 53) 'kiyai paling besar dan terkenal seluruh Indonesia selama paruh pertama abad ke-20'. Kemudian tiga belas organisasi Islam yang lain menyertai federasi ini dan semua bersatu dalam menghadapi penjajahan Belanda. Sebagai contoh, mereka menolak undang-undang baru mengenai perkahwinan, pembahagian wasiat, dan kewajipan menyertai ketenteraan untuk umat Islam (Latiful 2008: 116). Melalui organisasi massa ini, nasionalisme Islam dan ukhuwah lebih kuat di bawah kepimpinan K.H. Hasyim.

Kesimpulan

K.H. Hasyim merupakan salah seorang ulama besar yang memainkan peranan penting dalam pembangunan Islam di Indonesia. Usaha beliau yang peting dalam perjuangan melawan

kolonialisme Belanda dan Jepun. Sejarah mencatatkan bagaimana peranan dan sumbangan K.H. Hasyim ketika. Gerakan nasionalisme K.H. Hasyim bermula dengan penubuhan pesantren kerana dengannya dapat membina kekuatan intelektual yang mampu berhadapan dengan penjajah pada waktu itu. Usaha K.H. Hasyim telah melahirkan ramai tokoh nasionalis Indonesia termasuk anaknya sendiri. Pemikiran K.H. Hasyim yang kritis mampu membakar api revolusi dan menggoncang jiwa umat Islam untuk bersatu melawan imperialisme. Malah, kepimpinan beliau terserlah dalam bidang politik sebagai *Rois akbar* dalam organisasi Nahdatul Ulama (NU), Majelis Islam A'la Indonesia (MIAI) dan Majlis Syura Muslimin Indonesia (MASYUMI). Tambahan pula, melalui Resolusi Jihad yang difatwakan oleh beliau membangkitkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat untuk membebaskan dan memerdekakan negara dari tangan penjajah. Semangat juang beliau tidak pernah pudar demi menjaga kesucian agama dan kedaulatan bangsa Indonesia. Jelaslah bahawa usaha dan peranan K.H. Hasyim dalam mengislahkan masyarakat melalui pendidikan dan organisasi memberi inspirasi kepada golongan muda untuk berjuang memelihara tanah air dari kolonialisme dan imperialisme.

Rujukan

- Abdullah, T. 1974. *Islam di Indonesia Sepintas Lalu tentang Beberapa Segi*. Jakarta: Tintamas.
- Abdussami, H. & Fakla, R. *Biografi 5 Rais 'Am Nahdotul Ulama*. Yogyakarta: LTN bekerjasama dengan Pustaka Pelajar 1995
- Aboebakar. 1957. *Sedjarah hidup K.H.A Wahid*. Djakarta: Panitia Buku Peringatan Alm.
- Akarhanaf. 1949. *Kiai Hasjim Asj'ari: Bapak Ummat Islam Indonesia*. Jombang: Pondok Pesantren Tebuireng.
- Anam, C. 2010. *Pertumbuhan dan Perkembangan Nahdlatul Ulama*. Surabaya:PT Duta Aksara Mulia.
- Asya'ari, H. 1924. *Adab 'ul 'Alim wa al-Muta'allim*. Jombang: Maktabah Turath al-Islami.
- Azra, A. 2000. *Ensiklopedi Islam*. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Baso, A., Sunyoto, A & Mummaziq, R. 2017. *K.H Hasyim Asy'ari; Pengabdian Seorang Kyai untuk Negeri*. Jakarta: Museum Kebangkitan Nasional.
- Burhanuddin, T. 2001. *Akhlak Pesantren: Solusi Bagi Kerusakan Akhlak* Yogyakarta: Bayu Indra Grafika.
- Dhofier, Z. 1980. Kinship and marriage among the Javanese Kyai. *Indonesia* 29(1): 47–58.
- Ensiklopedia Nasional Indonesia*.1990. Jakarta : PT. Cipta Adi Pustaka.
- Fathoni, K. & Zen, M. 1992. *NU Pasca Khittah Prospek Ukhuwah dengan Muhammadiyah*. Yogyakarta: Media Widya Mandala.
- Hadziq, I. 2007. *K.H Hasyim Asya'ari: Figur Ulama dan Pejuang Sejati*. Jombang: Pustaka Warisan Islam Tebuireng.
- Hadziq, I. t.th. *Al-Ta'rif bi al-Muallif dalam Hasyim Asy'ari, Adab al-'Alim wa al-Muta'allim*. Jombang: Maktabah al-Turath bi Ma'had Tebuireng.
- Haidar, M.A. 1995. *Nahdlatul Ulama dan Islam di Indonesia: Pendekatan Fiqih dalam Politik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

- Handani, F.U. 2017. Konsep Etika Guru Dalam Pendidikan Islam (Tela'ah Atas Kitab Adabul 'Alim Wal Muta'allim Karya Kh. Hasyim Asy'ari). Tesis Sarjana Strata 1, Jurusan Tarbiyah PAI, State Islamic University of Kudus.
- Ismail, F. 1992. *Pijar-pijar Islam: Pergumulan Kultur dan Struktur*. Jakarta: Departemen Agama Proyek Peningkatan Kerukunan Hidup Umat Beragama.
- Khuluq, L. 2000. *Fajar Kebangunan Ulama Biografi K.H. Hasyim Asy'ari*. Yogyakarta: LKiS.
- Margono, H.H. 2011. KH. Hasyim Asy'ari dan Nahdlatul Ulama: Perkembangan Awal dan Kontemporer. *Jurnal Media Akademika* 26(3): 335-349).
- Misrawi, Z. 2010. *Hadrastussyaikh Hasyim Asy'ari; Moderasi, Keumatan dan Kebangsaan*. Jakarta: PT Kompas Media Nusantara.
- Mubarok, M.S.& Shobron, S. 2015. Dakwah dan Jihad dalam Islam: Studi atas Pemikiran K.H.M. Hasyim Asy'ari. *Jurnal Studi Islam* 16(2): 136-143.
- Mulyani, T. 2006. Majelis Islam A'laa Indonesia (MIAI) dalam pergerakan nasional tahun 1937- 1942. Skripsi, Program Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universitas Sebelas Maret.
- Nola, P. 2007. Peranan Hasyim Asy'ari dalam Organisasi NU Tahun 1926-1947. Tesis Sarjana, Program Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universitas Sanata Dharma.
- Rahman, F. 1995. *Islam dan Modernitas tentang Tanformasi Intelektual*. Bandung: Pustaka.
- Rifai, M. 2009. *K.H Hasyim Asya'ari: Biografi Singkat 1871 hingga 1947*. Jakarta: Garasi.
- Rozi. 2016. Keturunan KH. M. Hasyim Asy'ari. <http://nahdlatululama.id/blog/2016/07/27/kyai-haji-mohammad-hasyim-asyari-2/> [27 Juli 2016].
- Rozikin, B. 2009. *101 Jejak Tokoh Islam Indonesia*. Yogyakarta: e nusantara.
- Setiawan, A. 2017. *Konsep Resolusi Jihad Hasyim Asya'ari dalam buku Sang Kiai*. Surakarta: Institut Agama Islam Negeri Surakarta.
- Siddiq, A. 1980. *Khittah Nahdliyyah*. Surabaya: Balai Pustaka.
- Siregar, I.F. 2013. Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Partai Masyumi (1945-1960). *THAQAFIYYAT: Jurnal Bahasa, Peradaban dan Informasi Islam* 14(1): 88-103.
- Tabi'in, A. 2008. *Konsep Etika Peserta Disik dalam Pendidikan Islam Menurut K.H Hasyim Asya'ari*: Studi Kitab Adab al-'Alim wa al-Muta'llim.
- Wahid, A. 1995. *K.H Bisri Syansuri: Pecinta Fiqh Sepanjang Hayat dalam Humaidy dan Ridwan Palka AS. Biografi 5 Rais 'am NU*. Yogyakarta: LTN NU dan Pustaka Pelajar.
- Wahid, A. 2007. *Menggerakkan Tradisi: Esai-Esai Pesantren*. Yogyakarta: LkiS.
- Wahid, S. 2012. *Biografi 7 Rais Am PBNU*. Kediri: Nous Pustaka Utama.
- Widiyanta, D, Miftahuddin, Rafsanjani, A. & Yusufendi, A. 2013. Wujud Nasionalisme Tokoh Tradisionalis dan Modernis: Studi Kontribusi KH. Hasyim Asy'ari dan KH. Mas Mansyur. Kertas Kerja, Program Studi Ilmu Sejarah, Universitas Negeri Yogyakarta.
- Yusrianto. 2014. Pemikiran Politik dan Perjuangan KH. M. Hasyim Asy'ari Melawan Kolonialisme. *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia* 3(2): 259-280.
- Zamzami, A.N. 2011. *Pemikiran dan Aktivitas Politik K.H. Hasyim Asy'ari Pada Masa Perjuangan Merebut dan Mempertahankan Kemerdekaan Indonesia Tahun 1926-1947*. Tesis Sarjana, Program Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universitas Jember.
- Zuhri, A.M. 2010. *Pemikiran K.H.M. Hasyim Asya'ari tentang ahl-al Sunnah al-Jamaah*. Surabaya: Khalista.

Zuhri, S. 1980. *Mengenai sejarah berdirinya NU: Sejarah Kebangkitan dan Perkembangan Islam di Indonesia*. Bandung: PT. Al-Maarif.